

30/09/2003

Pantau transaksi kewangan (HL)

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan agensi, syarikat dan badan berkanun kerajaan serta kerajaan negeri memperbetulkan sistem pengurusan kewangan masing-masing bagi mengelak penipuan, penyelewengan dan salah guna wang kerajaan.

Perdana Menteri berkata, semua pihak mesti mempunyai sistem laporan kewangan yang sistematik dan berterusan yang mana setiap transaksi kewangan, sama ada wang dibayar atau diterima, direkodkan, diperiksa dan disahkan ketulenannya.

"Tiada yang lebih penting daripada memantau setiap transaksi kewangan sama ada yang diterima atau dibayar secepat mungkin. Anda perlu ada rekod. Kalau kita tak jaga, kita tak awasi dan tidak pantau, maka akan berlaku kecuaiian atau penipuan terancang.

"Syarikat kerajaan dan badan berkanun mesti mempunyai sistem laporan yang baik. Dengan cara ini peluang untuk orang melarikan wang seperti RM3 juta dari Kerajaan Pulau Pinang tidak berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Sistem Maklumat Syarikat Kerajaan dan Badan Berkanun (GSIS) di Kementerian Kewangan di sini, semalam. Turut hadir Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Samsudin Hitam.

GSIS yang dibangun menggunakan kepakaran dalaman Kementerian Kewangan membolehkan syarikat milik kerajaan dan agensi berkanun menghantar maklumat kewangan secara langsung kepada kementerian untuk pemeriksaan dan penilaian.

Langkah itu membolehkan kementerian membuat penilaian berterusan termasuk mengenal pasti masalah dalam pengurusan kewangan dan operasi syarikat dan badan berkanun terbabit secepat mungkin.

Sebanyak 83 syarikat milik kerajaan dan 104 badan berkanun diwajibkan menghantar laporan kewangan dan prestasi kewangan masing-masing kepada kerajaan menerusi sistem itu.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata sukar untuknya mempercayai wang RM3 juta dapat dikeluarkan daripada akaun kerajaan negeri tanpa diketahui orang lain.

"Mereka menahan ramai orang yang terbabit (dengan kes itu). Ini bermakna ramai orang yang tahu tetapi pegawai (yang bertugas) tidak tahu. Mungkin pegawai itu tahu tetapi dia terlalu sibuk dengan perkara lain.

"Justeru, penghantaran laporan sangat penting. Semua mesti sistematik dan perlu ada sistem laporan yang baik untuk mengetahui apa yang berlaku di bawah," katanya.

Perdana Menteri berharap dengan sistem GSIS itu, prestasi syarikat kerajaan dan badan berkanun dapat dipantau kementerian dengan lebih dekat.

"Kementerian dapat memantau dan mengesan sebarang penyelewengan pada peringkat awal dan mengambil tindakan," katanya.

Beliau berkata, kegagalan sesuatu syarikat dan badan berkanun hanya dapat diketahui pada masa depan tetapi ia mungkin sudah terlambat.

"Apa yang kerajaan mahu lakukan ialah memeriksa sesuatu sebelum perkara buruk berlaku," katanya.

Beliau juga berharap Kementerian Kewangan akan mempunyai kakitangan yang melakukan pemantauan secara berkesan terhadap prestasi syarikat dan badan berkanun menerusi sistem berkenaan.

Terdahulu ketika melancarkan Hari Q Peringkat Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Dr Mahathir meminta kakitangan kementerian

meningkatkan perkhidmatan kerana ia penting kepada kemajuan negara.

Katanya, bajet yang dibentangkan baru-baru ini menekankan betapa penting sistem penyampaian supaya kehendak rakyat dapat dicapai.

"Kakitangan Kementerian Kewangan harus menyedari perkhidmatan diberikan mereka bukan saja memberi manfaat kepada mereka tetapi kerajaan.

"Menerusi pungutan cukai, kerajaan dapat membangunkan negara, menyediakan pelbagai kemudahan dan membayar gaji lebih tinggi dan kehidupan lebih baik untuk rakyat.

"Kerana kita dapat membangunkan negara kita, rakyat berjaya dalam perniagaan dan membayar cukai kepada kerajaan, cukai ini digunakan kerajaan untuk membayar gaji dan membangunkan negara," katanya.

Beliau juga berkata, kakitangan kementerian harus sanggup menerima kritikan dan menilai perkhidmatan yang diberikannya supaya dapat ditingkatkan ke peringkat terbaik.